

SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera



KUMPULAN BIMB CATAT PBZT RM340.5 JUTA BAGI SETENGAH TAHUN PERTAMA 2022

Asas perniagaan Kumpulan kekal kukuh dengan mencatatkan pertumbuhan dalam pemberian kasar di sebalik cabaran geopolitik dan gangguan rantaian bekalan

SOROTAN SUKU KEDUA 2022

- Keuntungan Sebelum Zakat dan Cukai (PBZT) Kumpulan meningkat 13.7% daripada Suku Pertama 2022 dengan catatan RM181.2 juta
- Pulangan Ekuiti Bersih (ROE) Tahunan 7.2% dan Perolehan Sesaham (EPS) 10.39 sen
- Pemberian Kasar berkembang 8.0% tahun ke tahun kepada RM60.7 bilion
- Komposisi CASATIA kukuh pada 37.8%
- Kadar Nisbah Jumlah Modal berada pada kedudukan baik iaitu 19.4%

KUALA LUMPUR, Selasa, [30 Ogos 2022]: Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB atau Kumpulan) merekodkan PBZT bernilai RM340.5 juta bagi tempoh enam bulan berakhir 30 Jun 2022 (1H2022), penurunan sebanyak 28.3% atau RM134.5 juta berbanding tempoh sama tahun lepas.

Pendapatan berdasarkan dana bersih meningkat sebanyak RM41.5 juta atau 4.7%, dipacu oleh pertumbuhan pemberian tahun ke tahun (y-o-y). Walau bagaimanapun, ia diimbangi oleh penyusutan pendapatan bukan berdasarkan dana sebanyak RM100.1 juta berbanding setengah tahun pertama 2021 ekoran keadaan pasaran yang kurang memberangsangkan. Peruntukan bersih Kumpulan untuk pemberian dan pendahuluan terjejas meningkat sebanyak RM31.6 juta atau 69.3% kepada RM77.1 juta berbanding 1H2021.

Sementara itu, bersandarkan pada aktiviti ekonomi yang semakin meningkat, PBZT Kumpulan untuk suku kedua berakhir 30 Jun 2022 (2Q2022) berkembang sebanyak RM21.9 juta atau 13.7% kepada RM181.2 juta berbanding suku sebelumnya yang berakhir 31 Mac 2022 (1Q2022). Pengukuhan tersebut didorong oleh pendapatan berdasarkan dana bersih yang lebih tinggi dan penurunan peruntukan bersih bagi pemberian dan pendahuluan. Peningkatan ini diimbangi oleh perbelanjaan overhed yang lebih tinggi dan penurunan pendapatan bukan berdasarkan dana.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan BIMB, Mohd Muazzam Mohamed berkata, "Walaupun prestasi Kumpulan lebih rendah pada 1H2022, asas perniagaan kami kekal utuh dengan pertumbuhan positif y-o-y dalam pemberian kasar serta akaun deposit dan pelaburan pelanggan yang masing-masing menunjukkan pengukuhan sebanyak 8.0% dan 13.6%. Kami berpuas hati terhadap perkembangan signifikan akaun semasa, simpanan dan transaksi pelaburan (CASATIA) yang mencatatkan kenaikan 11.3% y-o-y untuk berada pada paras sihat sebanyak 37.8% daripada jumlah akaun deposit dan pelaburan pelanggan setakat 30 Jun 2022. Jumlah Nisbah

Modal Kumpulan juga kekal kukuh pada 19.4% setakat 30 Jun 2022, didorong oleh sokongan kecairan yang teguh."

Setakat 30 Jun 2022, nisbah pembiayaan terjejas kasar adalah 1.14%. Angka tersebut terus berada pada aras lebih baik berbanding nilai purata industri sebanyak 1.65%.

Pandangan Kumpulan

Kumpulan menjangkakan pertumbuhan KDNK sebanyak 5.3% hingga 6.3% yang diunjurkan oleh Bank Negara Malaysia bagi tahun 2022 berada dalam jangkauan. Walaupun pertumbuhan dicabar akibat gangguan rantaian bekalan, kenaikan harga komoditi dan inflasi domestik, KDNK dijangka kekal positif. Pada masa sama, Kumpulan turut menjangka Kadar Dasar Semalam (OPR) akan mencapai 2.75% pada akhir tahun 2022, melihatkan prospek pertumbuhan yang positif.

Pembiayaan industri meningkat sebanyak 5.6% y-o-y pada Jun 2022. Kumpulan menjangkakan jumlah pembiayaan isi rumah yang lebih perlahan. Namun demikian, pertumbuhan menyeluruh industri dijangka meningkat susulan aktiviti perniagaan yang lebih giat disebabkan pembukaan semula sempadan dan persekitaran ekonomi yang menggalakkan. Walau bagaimanapun, tekanan inflasi yang meningkat berpotensi mengancam peruntukan pembiayaan Kumpulan memandangkan ia mampu menjejaskan keupayaan pengguna dan perniagaan menyempurnakan komitmen bulanan mereka.

"Sementara terus berwaspada terhadap prospek tahun ini, khasnya melihatkan ketidaktentuan global, Kumpulan terus teguh dalam melaksanakan strategi pendigitalan dan membuat pelaburan demi pertumbuhan perniagaan seperti yang digariskan dalam pelan LEAP25. Kami sedang berusaha ke arah mengukuhkan kunci kira-kira, pada masa sama mengekalkan kualiti aset yang kukuh dan meningkatkan lagi kecekapan kos," kata Mohd Muazzam.

Sehubungan itu, pada pertengahan Julai lalu, Kumpulan telah melancarkan kemudahan perbankan digital bagi memenuhi keperluan generasi muda dan celik digital. Dikenali sebagai Be U, ia merupakan bank digital natif awan yang pertama di negara ini.

Beliau menambah, "Penyertaan penggiat-penggiat terkemuka industri sebagai rakan strategik akan membolehkan lebih banyak fungsi dan membawa perkhidmatan nilai tambah kepada platform berkenaan. Be U dijangka memperkenalkan tawaran baharu seperti deposit bertempoh, kad debit, pengurusan kewangan peribadi dan pelbagai ciri lain dalam tempoh 12 bulan akan datang."

Memandangkan momentum pertumbuhan domestik yang positif sejak beberapa bulan kebelakangan ini, Kumpulan menjangkakan langkah pengurangan sokongan monetari akan dilakukan secara berperingkat dan terkawal.

"Kami menjangkakan bahawa kerajaan akan memperkenalkan sistem subsidi bersasar untuk membantu individu yang layak dalam keadaan semasa yang mencabar ini. Kumpulan Bank Islam terus bersedia untuk menyediakan sokongan yang diperlukan bagi memastikan pelanggan kami kekal berdaya tahan dan membantu mereka kembali bangkit demi kesejahteraan hidup mereka," jelas Mohd Muazzam.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)

BIMB adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983 sebagai institusi perbankan Islam pertama di Malaysia, BIMB mempunyai 135 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, BIMB menyediakan penyelesaian perbankan dan kewangan yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat serta komited terhadap hasrat kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG. Anak syarikat utama Kumpulan BIMB adalah perintis dalam pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham, iaitu BIMB Investment Management Berhad dan BIMB Securities Sendirian Berhad. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan BIMB, layari www.bankislam.com.

Untuk maklumat lanjut, sila e-mel ke Hubungan Media Kumpulan BIMB di:
MediaRelationsEditorial@bankislam.com.my